

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JULAI 2023

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 38

Zon ekonomi Johor-Singapura dikaji

Zon ekonomi Johor-Singapura dikaji

PETALING JAYA – Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia (JM-CIM) Ke-16 bersetuju mewujudkan pasukan petugas khas untuk mengkaji penubuhan zon ekonomi khas Johor-Singapura.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli yang mengetuai delegasi Malaysia ke Singapura untuk mesyuarat berkenaan pada 14 Julai lalu berkata, tujuan zon ekonomi khas itu adalah untuk meningkatkan pelaburan dan pekerjaan berkualiti tinggi di Johor dan Singapura dengan memudahkan aliran pergerakan manusia, barangan dan perniagaan.

"Pasukan petugas khas ini akan diterajui oleh Kementerian Ekonomi dari Malaysia dan Kementerian Perdagangan dan Industri dari Singapura, dengan sokongan agensi kerajaan lain.

"Kementerian Ekonomi akan terus mengambil sikap terbuka terhadap kerjasama serantau



RAFIZI (tengah) dalam sesi pertemuan bersama wakil syarikat pemodal teroka di Singapura, baru-baru ini.

terutamanya dalam bidang ekonomi, bakat dan teknologi," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Turut menghadiri mesyuarat berkenaan ialah Menteri Pembangunan Negara (Singapura), Desmond Lee; Pemangku Menteri

Pengangkutan (Singapura), Chee Hong Tat; Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan pegawai kanan dari kedua-dua negara.

Rafizi menambah, dalam sesi lawatan ke Singapura, pihaknya turut berpeluang bertemu pe-

main-pemain industri strategik termasuk syarikat semikonduktor antarabangsa, pelabur institusi dan firma pemodal teroka.

"Kementerian Ekonomi telah berjumpa dengan pelabur-pelabur institusi yang mempunyai aset di bawah pengurusan

antara RM180 billion dan RM3.2 trillion untuk bertukar pandangan tentang situasi ekonomi dan politik semasa, di samping berkongsi pelan-pelan Kementerian untuk tahun-tahun mendatang.

"Dalam perbincangan tersebut, Kementerian telah memberikan fokus kepada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang mampu memberi impak yang besar kepada ekonomi Malaysia dengan jumlah peluang pelaburan sebanyak RM637 bilion.

"Selain itu, Kementerian Ekonomi juga menerima respon yang amat menggalakkan daripada firma-firma pemodal teroka paling berpengaruh dalam sesi yang dihoskan oleh K3 Ventures dan Bloomberg, yang mana salah satu daripada firma yang hadir telah mengumumkan hasrat mereka untuk membuka cawangan di Kuala Lumpur tidak lama lagi," ujarnya.